PEMIMPIN DAN KEPIMPINAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Oleh
Omar bin Abdul
Jabatan Pendidikan
Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka

Pengenalan

TERDAPAT beberapa istilah yang menggambarkan konsep pemimpin dan kepimpinan dalam al-Quran dan juga hadis Rasulullah S.A.W.; antaranya istilah khalifah, imam atau imamah atau aimmah.

Istilah khalifah ditujukan kepada manusia yang dijadikan oleh Allah S.W.T. untuk memikul tanggungjawab di muka bumi ini seperti firman-Nya yang bermaksud:

> "Ingatlah kepada Tuhanmu berfirman kepada malaikat:
> Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di
> muka bumi."

(Al-Baqarah, ayat 30)

Sebagai khalifah di muka bumi, manusia terikat dengan tiga bentuk hubungan. Pertama, hubungan menegak, iaitu hubungan manusia dengan Allah S.W.T. Dalam hubungan ini manusia menerima pimpinan Ilahi serta tunduk dan patuh kepada segala perintah Allah dalam melaksanakan amanah-Nya. Kedua, hubungan dalaman, iaitu hubungan manusia dengan diri sendiri. Di tahap ini manusia menggunakan ilmu naqliah (ilmu agama) untuk mengembangkan ilmu aqliyyah yang mengandungi tanda-tanda kewujudan dan kebesaran Allah di dalam alam (ayatullah fi`l-kaun). Ketiga, hubungan melintang, iaitu hubungan antara manusia dengan manusia dan dengan makhluk lain seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan dan seumpamanya. Di tahap ini, kepimpinan manusia dilaksanakan, diminta pertanggungjawaban dan dinilai. Pengetahuan manusia tentang diri sendiri, alam sekitar, sejarah dan masyarakat, semuanya mesti diarah untuk meningkatkan iman dan amal soleh serta membantu manusia menjalankan hubungan menegak, hubungan dalaman dan hubungan melintang dengan sempurna.
Istilah imam, immamah dan aimmah pula disebut dalam ayat 124, Surah al-Baqarah; ayat 5, Surah al-Qasas; ayat 24, Surah as-Sajdah; dan ayat 74, Surah al-Furqan. Dalam Surah Al-Baqarah, ayat 124, Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

> "….Aku akan jadikan engkau wahai Ibrahim, imam yakni ketua bagi
> sekelian manusia"

Seterusnya dalam ayat 5, Surah al-Qasas, Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

> *"Dan Kami hendak menumpahkan budi atas mereka yang
> ditindas di bumi itu, dan Kami hendak jadikan mereka
> pemimpin-pemimpin; dan Kami hendak jadikan mereka
> mewarisi bumi."*

Risalah ini diterbitkan semula untuk amal jariah dan manfaat bersama. Dapatkannya di http://pekdismelaka.net

Dalam ayat 24, Surah as-Sajdah, Allah S.W.T. berfirman, maksudnya:

> "Dan Kami jadikan dari kamu ketua-ketua yang memimpin dengan perintah Kami, tatkala mereka telah sabar dan adalah mereka yakin kepada ayat-ayat Kami."

Allah S.W.T. menyuruh manusia berdoa kepada-Nya seperti firman-Nya, ayat 74, Surah al-Furqan yang bermaksud:

> "Hai Tuhan Kami! Jadikan dari isteri-isteri kami dan anak cucu kami, pendingin mata (menyenangkan hati) dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang yang berbakti."

Empat ayat di atas menjelaskan kepimpinan dalam konteks yang luas. Ia meliputi ketua negara, mufti, hakim (kadi), menteri, wakil rakyat, ketua jabatan, penghulu, ketua keluarga dan apa sahaja yang membabitkan orang di bawah jagaannya.

Sumber Kepimpinan Islam

Sumber pimpinan Islam, ialah al-Quran dan as-Sunnah. Pemimpin Islam hendaklah mengetahui, memahami dan mengamalkan segala dasar ajaran Islam pada setiap masa dan tempat. Rujukan utama kepimpinan Islam ialah ayat 58 - 59, Surah an Nisa' yang menjadi asas kepada seluruh sistem din, kebudayaan dan siasah Islam serta merupakan kaedah pertama di dalam perlembagaan Daulah Islammiyah. Ayat ini menggariskan empat perkara utama yang perlu diberi keutamaan dalam usaha menunaikan amanah kepimpinan, iaitu:

1. Allah sebagai kemuncak pimpinan yang wajib ditaati.
2. Kesetiaan dan ketaatan kepada Rasulullah S.A.W. sebagai jalan untuk melaksanakan ketaatan kepada Allah.
3. Ketaatan dan kesetiaan para muslimin kepada ulil `amri, iaitu orang yang telah diberikan kekuasaan untuk memimpin masyarakat.
4. Mengiktiraf Al-Quran dan As-Sunnah sebagai perundangan utama masyarakat Islam sekaligus menjadikannya sebagai sumber rujukan untuk menyelesaikan segala-segala persengketaan.

Perbezaan Umum Konsep Kepimpinan Barat dengan Kepimpinan Islam

Terdapat perbezaan yang amat besar antara konsep kepimpinan Islam dengan konsep kepimpinan sekular Barat. Kepimpinan Islam adalah amanah ketuhanan (divine trust) yang merangkumi urusan duniawi-ukhrawi dengan dwiperanan utama iaitu memelihara agama dan mengurus dunia. Ia berbeza dengan konsep kepimpinan sekular Barat yang hanya menjurus kepada urusan duniawi-manusiawi. Kepimpinan dianggap sebagai proses bagaimana seseorang mempengaruhi seseorang atau kumpulan ke arah pencapaian matlamat dalam situasi tertentu (Ralph Stogdill, Fred Fiedler, Victor Vroom, Robert House). Beberapa unsur yang diberi keutamaan dalam konsep kepimpinan sekular Barat, antaranya individu atau kumpulan manusia (ahli organisasi), sumber-sumber (wang, mesin dll), tugas (peranan), matlamat (hasrat yang ingin dicapai) dan

situasi (yang mempengaruhi motivasi, kepuasan pekerja, gaya kepimpinan, penggunaan kuasa dll).
Dalam konteks organisasi, kepimpinan adalah proses mempengaruhi subordinat untuk mendapatkan kerjasama dan penglibatan mereka ke arah mencapai objektif organisasi dengan mengefektifkan dinamik kumpulan dan perhubungan inter personal antara anggota-anggotanya. Malangnya, dalam usaha mempertahankan status-quo, kuasa, dan pengaruh, kepimpinan sering kali bertukar menjadi proses sehala. Pemimpin semacam memaksa pengikut atau subordinat menerima perubahan-perubahan seperti perubahan matlamat, objektif, perubahan matlamat, objektif, prosedur, input, proses dan seterusnya output dalam sesuatu sistem sosial.

Keadaan ini amat berbeza dengan Islam yang menganggap kepimpinan (Imrah) adalah taklif atau bebanan tanggungjawab dan bukan satu tasyrif atau pun satu keistimewaan. Pemimpin diibaratkan sebagai "pengembala" yang akan diminta tanggungjawab di atas gembalaannya (Hadis Rasulullah S.A.W. diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim). Kepimpinan atau pemerintahan dalam Islam adalah alat dan bukan sebagai tujuan. Pemimpin perlu dipimpin oleh ilmu, iman dan amal untuk menjadikan kepimpinannya sebagai alat yang aktif yang dapat merealisasikan tujuan yang hendak dicapai iaitu membela agama dan mengurus dunia. Lantaran itu, Islam menempatkan kepimpinan di tempat yang tinggi, sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

> "Makhluk yang paling dicintai Allah adalah imam yang adil,
> dan yang paling dibenci Allah adalah imam yang zalim"

(HR:Ahmad)

Konsep Kepimpinan Islam dapat dirumuskan seperti berikut:

- Berteraskan konsep khalifah Allah S.W.T.; setiap manusia (muslim mukmin) adalah Pemimpin yang bertanggungjawab memimpin dirinya, keluarganya serta ahli-ahli di bawa jagaannya. (At-Tahrim:6)
- Konsep kepimpinan dihubungkan dengan tugas menegakkan amar ma`ruf nahyul Mungkar yang merangkumi semua perkara yang dituntut dan diharuskan oleh syarak Iaitu meliputi soal-soal akidah, syariah, akhlak yang membawa manusia kepada kesejahteraan kehidupan sekali gus mencegah yang buruk, keji dan mungkar.
- Kepimpinan Islam digerakkan oleh ilmu, iman dan amal soleh yang diterasi oleh keikhlasan dalam semua bentuk tindakan yang diambil, sama ada dalam bidang ekonomi, sosial, politik, kebajikan dll. Tidak ada istilah "tindakan menghalalkan cara" dalam kepimpinan Islam.
- Kepimpinan bukan sesuatu jawatan yang boleh dijadikan bahan rebutan. Malahan bukan untuk dipohon atau menawar diri untuk menjawat sesuatu jawatan. Ia bukan suatu profesion dan tidak dimonopoli oleh satu-satu kaum, ras, bangsa atau keturunan. Ucapan Abu Bakar sebaik sahaja beliau dilantik, menjelaskan kedudukan ini:

"Aku dilantik bukan kerana aku lebih baik daripada kamu.
Sokongan aku sekiranya aku melaksanakan perintah Allah
jika aku menyeleweng, perbentulkan aku…"

- Melantik pemimpin adalah satu kewajipan umat Islam.
  Hadis Rasulullah S.A.W. bermaksud:
  "Jika kamu bertiga, maka lantiklah salah seorang menjadi ketua."
- Kepimpinan dalam Islam mencakupi urusan dunia dan akhirat. Pemimpin Islam perlu insaf dan menyedari bahawa setiap tanggungjawab akan dipersoalkan bukan sahaja di dunia, malah di akhirat.
- Tidak ada pemujaan terhadap pemimpin dan tidak ada konsep ma`sum dalam kepimpinan Islam.
- Kepimpinan Islam menganjurkan kepatuhan bersyarat. Seseorang itu tidak perlu patuh, malah wajib engkar sekiranya pemimpinnya menyeleweng atau melakukan perkara yang melanggar perintah Allah S.W.T. seperti yang dinyatakan oleh hadis Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

  "Tidak ada ketaatan kepada makhluk dalam perkara maksiat
  terhadap Allah."

- Kepimpinan Islam beroperasi di atas dasar syura. Pemimpin hendaklah mengadakan mesyuarat (syura) dengan orang yang dipimpinnya kerana matlamat kepimpinan Islam ialah untuk memastikan kewujudan dan keberlangsungan jemaah atau umat Islam pada setiap masa.
- Pemimpin yang dipilih mestilah menepati kriteria jawatan atau tugas yang akan dilaksanakan dari segi tanggungjawab dan kemahiran.
  Rasulullah S.A.W. pernah menolak permintaan Abu Dzar al-Ghifari yang menawarkan diri untuk menyandang satu jawatan menerusi sabdanya yang bermaksud:

  "Anda seorang yang lemah, sedangkan tugas ini adalah satu
  amanah, ia menyusahkan dan menjadi satu penyesalan
  pada hari kiamat nanti, kecuali bagi orang yang
  mengambilnya secara hak dan menunaikan tanggungjawab
  yang terpikul di bahunya".

  (Hadis riwayat Muslim)

Kriteria Pemilihan Pemimpin Menurut Perspektif Islam

Pemilihan pemimpin untuk sesuatu jawatan perlu dilakukan dengan teliti kerana kepimpinan itu mesti memiliki dua rukun, iaitu quwwah dan amanah. Quwwah dalam pengertian syara` mestilah merujuk bidang tugas yang diberikan. Secara umum, quwwah ialah kekuatan atau kemampuan melaksanakan tugas dalam pelbagai bidang-fikiran, kerohanian, jasmani, keorganisasian, akhlak, peribadi dll - yang perlu dimiliki oleh pemimpin untuk mejayakan kepimpinannya. Quwwah dalam bidang peperangan misalnya merujuk kepada kepintaran mengatur strategi peperangan, semangat juang dan keberanian; quwwah dalam menetapkan hukum antara manusia, merujuk kepada kesanggupan menjalankan hukum-hukum menurut Al-

Quran dan As-Sunnah dengan adil; dan quwwah dalam bidang kewangan, merujuk kepada kemahiran dalam bidang ekonomi.
Amanah pula diterasi oleh tiga perkara utama iaitu takutkan Allah (takutkan Allah daripada melakukan ketidakadilan, pengkhianatan dan kecuaian); tidak menjual ayat-ayat Allah dengan harga murah untuk mendapat habuan dunia; dan tidak takutkan manusia.
Ternyata sukar untuk memperolehi individu yang memiliki kedua-dua sifat quwwah dan amanah sekaligus. Rasulullah S.A.W. bersabda, maksudnya:

> "Manusia adalah seperti unta, daripada seratus unta hanya seekor sahaja daripadanya yang dapat digunakan dalam perjalanan jauh."

(HR Bukhari)

Syarat-syarat pemilihan pemimpin yang disepakati oleh ulama, termasuk al-Mawardi, pengarang kitab `Al-Ahkam al-Sultaniah, antaranya ialah:-

- Muslim akil baligh dan lelaki. Kanak-kanak yang belum dewasa tidak boleh dijadikan ketua. Syarat lelaki ini didasarkan kepada sekatan atau halangan yang terdapat pada seorang wanita dalam pergaulan (seperti menjaga aurat selain keadaan fizikalnya dsb). Adalah tidak praktikal kalau perempuan menjadi ketua negara atau jawatan yang sepertinya.
- Adil dalam melaksanakan hak-hak Allah S.W.T., tidak menyalahi kitab Allah S.W.T. dan Sunnah Rasulullah S.A.W. Maksudnya, pemimpin perlu bertakwa dan ikhlas, tidak meninggalkan solat dan kewajipan menunaikan zakat, puasa dan mengerjakan haji dan berupaya menjamin hak-hak manusia di bawah jagaannya meliputi perkara-perkara agama, akal, keturunan, nyawa, harta dan kehormatan.
- Berilmu. Menguasai dan mengamalkan ilmu-ilmu fardu ain, khususnya yang berkaitan dengan akidah, syariah dan sistem akhlak Islam. Juga perlu menguasai ilmu-ilmu fardu kifayah, bahkan mestilah dapat membezakan sekali gus melaksanakan amar ma`ruf nahyul munkar. Ini bermakna pemimpin mesti banyak membaca dan bahan-bahan bacaannya harus keluas sesuai dengan perubahan pesekitaran dan peredaran masa supaya sentiasa proaktif menangani kepimpinan pasukan/jamaah.
- Mempunyai kemampuan dalam menyelesaikan masalah berteraskan ilmu, hikmah, kebijaksanaan dan kaedah yang sesuai dengan masalah yang dihadapi. Pemimpin wajar mempunyai pandangan yang tajam sesuai dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

  > "Bahawa Allah suka kepada pandangan yang tajam (kritis) ketika terdapat kekeliruan dan (Allah suka) kepada akal yang matang ketika hawa nafsu menyerang".

- Beradab mengikut akhlak Islam, supaya mampu menjadi contoh teladan *(qudwah*) untuk diikuti oleh orang yang dipimpinnya. Pemimpin perlu melaksanakan apa yang diperkatakan, juga mesti mempunyai sifat-sifat mahmudah seperti takwa, jujur, ikhlas, merendah diri, pemaaf, tetap pendirian

(istiqamah) dan seumpamanya. Sentiasa memastikan kebersihan jiwa dan rohani dengan sentiasa menyelidik dan memeriksa segala keaiban dan kelemahannya sendiri lalu memper-baikinya. Dia mesti senantiasa merasakan betapa berat amanah yang dipikulnya tetapi berkeyakinan mesti mampu melak-sanakannya.

- Sempurna pancaindera dan sihat tubuh badan. Keperluan kesempurnaan dan kesihatan fizikal tubuh badan sama pentingnya dengan aspek-aspek keilmuan dan kerohanian. Akal yang sejehtara itu letaknya pada badan yang sihat seperti hadis Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

> "Lelaki yang mukmin dan kuat tubuh badan lebih disayangi Allah daripada lelaki yang mukmin tetapi lemah fizikalnya."

Beberapa ciri tambahan yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan pemimpin ialah:

- Mengenal jemaahnya: Pemimpin harus sentiasa menilai tindak-tanduknya dalam mengendalikan aktiviti organisasi dan mengurus sumber manusia dengan teliti dan jujur. Hal ini menuntut pemimpin memahami dengan mendalam situasi-situasi fikiran dan organisasinya, memiliki kemahiran mendengar supaya dapat menghargai pendapat-pendapat para anggotanya dan memahami masalah-masalah mereka.
- Mengenali jiwa dan potensi diri. Pemimpin wajib mengetahui potensi-potensi yang ada pada dirinya, seterusnya bertindak mengukuhkan mana-mana kekuatannya dan menguatkan mana-mana kelemahannya. Dia mesti berusaha bersungguh-sungguh memperkaya pengetahuan amnya serta banyak mempelajari pelbagai topik, pendapat dan fikiran dalam pelbagai lapangan. Dia harus memberi perhatian dengan mengkaji peribadi pemimpin-pemimpin unggul serta mengetahui cara-cara mereka memimpin, sebab-sebab ataupun faktor-faktor kejayaan atau kegagalan mereka.
- Memberi perhatian kepada anggota-anggota jemaahnya. Pemimpin harus mengenali secara dekat ahli-ahli organisasinya yang terdidik dalam pelbagai disiplin ilmu dan kemahiran supaya potensi mereka dapat dimanfaatkan untuk kepentingan organisasi. Kepercayaan harus diberikan kepada ahli-ahli organisasi untuk melaksanakan sesuatu tugasan mengikut kemahiran yang mereka miliki. Jika pemimpin dapat menawan keyakinan orang-orang bawahannya, ia akan lebih mudah mendapat sokongan padu dari orang bawahnya dalam melaksanakan sesuatu program organisasi.
- Kuat kemahuan. Ia adalah rukun penting bagi peribadi ketua. Hanya dengan kemahuan yang kuat sahaja, pemimpin sanggup mendepani segala rintangan yang pasti berlaku dalam organisasi.
- Optimisme. Pemimpin adalah simbol dan model yang berpengaruh di kalangan pengikut atau ahli-ahli organisasinya. Sikap optimis berhemah pemimpin akan menjadi pemangkin kepada ahli-ahli organisasi untuk mencapai visi dan matlamat organisasi. Sebalinya, sikap putus asa pemimpin akan melunturkan semangat sekali gus melorongkan ahli-ahli organisasi ke kancah kekecewaan.

Hak dan Tanggungjawab Pemimpin

Kepimpinan dalam masyarakat manusia terdiri daripada dua kelompok iaitu pemimpin dan yang dipimpin. Secara teorinya, orang yang dipilih menjadi pemimpin biasanya miliki kualiti yang lebih baik daripada orang yang dipimpin. Sebagai ad-din, Islam menilai martabat insan berasaskan amal manusia yang berbentuk fardu ain (yang bersifat peribadi dan wajib untuk dirinya) dan fardu kifayah (yang bersifat kemasyarakatan dan wajib untuk kumpulan). Pelaksanaan amal itu pula dilandasi oleh lima kategori iaitu wajib, sunat, mubah (harus), makruh dan haram.

Berteraskan kriteria ini, wujud kesinambungan *(tawazun*) di antara authoriti dan wibawa pemimpin di satu pihak dengan kesetiaan dan kerjasama yang dipimpin di pihak lain. Ini bermakna keimpinan Islam berhak mendapat:

1. Kesetiaan (wala') daripada ahli-ahli
2. Ketaatan daripada ahli-ahli
3. Nasihat dan pembetulan dari ahli-ahli jika tersalah

   Ini sesuai dengan sabda Rasulullah S.A.W. bermaksud:

> "Allah menjadi reda kepada kamu dalam tiga perkara; (pertama) bahawa hendaklah kamu sembah Dia dan sekali-kali jangan kamu sekutukan Dia dengan sesuatu. (Kedua), bahawa kamu berpegang teguh semuanya kepada tali Allah dan jangan kami berpecah-belah. (Ketiga), hendaklah kamu menasihati orang-orang yang ditakdirkan Allah menjadi pemimpin kamu."

(HR Muslim)

Kepimpinan adalah satu tuntutan agama(ibadah) manakala menunaikan tugas kepimpinan adalah satu amanah. Rasulullah S.A.W. dengan tegas mengingatkan menerusi sabdanya, bermaksud:

> "Apabila sesuatu urusan diserahkan kepada bukan ahlinya, tunggulah masa kehancuran."

(HR: Muslim)

Antara tanggungjawab utama yang wajib dilakukan oleh pemimpin ialah:

- Mentaati Allah dan Rasul-Nya S.A.W. serta melaksanakan perintah-perintah-Nya. Pemimpin mesti dipimpin oleh iman, ilmu dan amal supaya tidak terjerumus melakukan segala macam perbuatan jahat, mengikut tuntutan hawa nafsu dan lebih mengutamakan keuntungan dunia yang sementara. Ibn Taimiyah mengingatkan, pemimpin yang tidak dipimpin oleh iman, ilmu dan amal akan dikuasai oleh sifat tamaknya, yang akan melahirkan dua kesan iaitu kikir dan dengki.
- Bermusyawarah dengan orang yang dipimpin dan menghayati adab berbeza pendapat

Umar ibn al-Khattab berkata:

> "Aku telah menyeru kamu sekelian tidak lain kecuali kamu bersama-samaku untuk memikul beban amanah yang telah diberikan kepadaku untuk mentadbir ummah. Aku hanya salah seorangj daripadamu, dan hari ini kalianlah manusia yang mempersaksikan kebenaran ini. Sesiapa yang ingin berbeza pendapat denganku mereka boleh berbuat demikian. Dan sesiapa yang ingin bersetuju denganku mereka boleh berbuat demikian Aku tidak akan memaksa kalian untuk tunduk kepada keinginan-keinginanku."

- Berlaku adil dalam seluruh tindakan. Jika keadilan ditegakkan, segala bentuk kezaliman, penindasan dan penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa dapat dielakkan.
- Memimpin ahli-ahli organisasi atau orang yang dipimpin menuju keredaan Allah.
- Melaksanakan amar ma`ruf nahyul mungkar walaupun dalam jemaah yang paling kecil iaitu tiga orang hinggalah kepada jemaah yang lebih besar.
- Melaksanakan kepimpinan melalui teladan supaya mampu menjadi qudwah dari segi pentadbiran atau kenegaraan sekali gus memberi contoh teladan dari segi kepimpinan yang baik dalam segala aspek kehidupan.
- Membina hubungan yang rapat dengan orang yang dipimpin berasaskan kepada kemanusiaan, perasaan timbang rasa, kesamarataan dan kerjasama yang intim. Setiap interaksi harus mencerminkan pengabdian diri kepada Allah dan penghayatan peranan sebagai khalifah di muka bumi.
- Tetap bertanggungjawab terhadap sesuatu tugas walaupun tugas itu telah diagihkan kepada mana-mana ahli organisasi untuk mengendalikannya.
- Pemimpin wajar menyesuaikan visi, misi, dan pelaksanaan aktiviti organisasi sesuai dengan keupayaan dan beban tugas yang sedia perlu dilakukan di dalam organisasi. Rasulullah S.A.W. mensyaratkan bahawa seorang pemimpin tidak boleh terlalu keras dalam ketegasannya. Ibn. Khaldun turut menegaskan bahawa tuntutan-tuntutan yang berlebih-lebihan daripada pemimpin akan membawa kepada kebinasaan pengikut-pengikut. Sifat tegas melulu pemimpin biasanya diekori oleh sikap kurang berhati-hati serta kurang mempedulikan perasaan dan hati orang lain. Pemimpin seumpama ini suka mengarahkan pengikut-pengikutnya untuk melakukan sesuatu di luar kemampuan mereka.
- Pemimpin mesti bijak mengagih tugas mengikut potensi, kemahiran ahli jamaah atau organisasi dan kesesuaian masa yang dipimpinnya. Hakikat ini diaplikasikan oleh Rasulullah S.A.W. dan para khyulafa ar-rasyidin.
- Sentiasa bersedia menerima dan menghargai nasihat dan teguran yang benar dan Membina daripada orang yang dipimpin dengan hati terbuka.
  Saiyidina Umar al-Khatab amat mengalu-alukan teguran tanpa mengira siapa yang memberi teguran itu. Beliau mengungkapkan:

> "Semoga Allah memberi hidayah kepada orang yang dapat menunjukkan kepadaku keaiban diriku."

Klasifikasi Pemimpin

Ajaran Islam meletakkan martabat pemimpin dan pengikut di atas ukuran iman danf amal soleh, bukan berdasarkan pangkat, kuasa, kelayakan, dan kemasyarakatan. Al-Quran (35:32) menyebut tiga tahap martabat mukmin sama ada pemimpin atau pangikut, iaitu:

- Zalimun li nafsihi atau orang yang menzalimi dirinya sendiri. Golongan ini sentiasa mengerjakan maksiat atau yang mencampuradukkan antara amal soleh dengan kejahatan. Mereka gagal menunaikan kewajipannya seperti yang dikehendaki.
- Al-Muqtasidun atau orang yang sederhana - cermat tidak maju dan tidak mundur -.
  Golongan ini tidak membawa perubahan. Dalam beramal, mereka melaksanakan amal yang wajib dan menjauhkan yang haram tetapi kurang atau meninggalkan yang sunat.
- Sabiqun bilkhairat atau orang yang berlumba-lumba membuat kebajikan dan mendahuluinya daripada orang lain. Golongan ini sentiasa berusaha mengerjakan kebajikan untuk dirinya dan juga masyarakat. Mereka melaksanakan tuntutan fardu air dan fardu kifayah dengan ikhlas untuk mencapai mardatillah. Golongan ini mendapat kurniaan besar dari Allah S.W.T.

Sebagai perbandingan, teori kepimpinan pengurusan sekular Barat pula mengenal Pasti tiga jenis pemimpin, iaitu pemimpin proaktif, pemimpin status quo dan pemimpin reaktif.

Pemimpin proaktif adalah jenis pemimpin yang terbaik. Mereka, antara lain mempunyai ciri-ciri sebagai inovator, dinamik, berfikiran terbuka, original dari segi idea, berdaya maju tinggi, menjadi inspirasi kepada orang lain, mempunyai pendekatan, pandangan dan perspektif jarak jauh, melihat masalah dari sudut dan horizon yang lebih luas, sanggup mencabar `status quo', berani membuat pembaharuan dan melawan kebiasaan.

Organisasi yang dikepalainya akan berkembang kerana pemimpin proaktif biasanya melihat kedudukan bukan sebagai satu matlamat yang berakhir di situ sahaja, sebaliknya sebagai alat untuk mencapai matlamat-matlamat yang lebih besar dalam kehidupan bermasyarakat.

Pemimpin status quo pula bersifat mengikut arus, hanya mentadbirkan apa yang ada, mempunyai pendekatan jangka pendek, tidak berperspektif luas, mudah berpuas hati dengan kedudukan yang ada. Organisasi yang dipimpinnya tidak akan mengalami pertumbuhan.

Pemimpin reaktif selalunya tidak mengambil sebarang inisiatif, hanya bertindak balas terhadap situasi. Malah hanya diselesaikan apabila ia berlaku, itupun dengan penyelesaian dan hasil yang tidak memuaskan. Dia ibarat seorang ahli bomba yang akan hanya memadamkan kebakaran setelah ia berlaku.

Penutup

Kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W., adalah model kepimpinan unggul yang mengintegrasikan segala ciri kepimpinan, antaranya kekentalan akidah, kekuatan ilmu dan daya fikir, kewibawaan akhlak, keupayaan fizikal, kemantapan kesabaran, kebijaksanaan berdiplomasi, dan keakraban kasih-sayang.

Saiyidina Abu Bakar dan Sayidina Umar walaupun dilantik ke jawatan yang tinggi sebagai pemimpin tetapi cukup menyedari diri mereka adalah manusia biasa yang tidak terlepas daripada melakukan kesalahan apabila melaksanakan tugas. Dengan keinsafan itu, mereka meminta rakyat membetulkan tindakan mereka jikalau berlaku kesalahan. Tindakan mereka itu bukan bererti mereka lemah, tetapi memancarkan nilai tawaduk dan taqwa yang tinggi nilainya di jiwa mereka.

Kepimpinan Rasulullah S.A.W. dan diteladani oleh para khulafa ar-rasyidin adalah berteraskan kebersihan jiwa, keikhlasan dan pengabdian sepenuhnya kepada Allah S.W.T. Kunci kekentalan peribadi dan kepimpinan mereka ialah berpegang teguh kepada al-Quran; melakukan segala tindakan semata-mata untuk Allah; melakukan hanya amalan-amalan yang diredai Allah S.W.T.; senantiasa mengingat Allah, memikirkan tentang mati, tentang azab kubur dan tentang syurga dan neraka; memperbaiki ibadah; membanyakkan amalan-amalan sunnah dan tidak meninggalkan sembahyang-sembahyang malam khususnya tahajjud.

Kepimpinan yang berkesan diukur dengan bertambahnya yang makruf dan berkurangnya yang mungkar di kalangan masyarakat. Pimpinan Islam yang digerakkan oleh kepentingan diri, mempertahankan status-quo dan seumpamanya tetap tidak akan menepati kehendak pimpinan Islam. Dalam peristiwa Hijrah misalnya, terdapat di kalangan sahabat Rasulullah S.A.W. yang turut berpindah untuk berkahwin dengan wanita Madinah. Tindakan mereka dijelaskan oleh Rasulullah S.A.W. menerusi sabdanya, bermaksud:

> "Siapa yang berhijrah kepada Allah dan Rasulnya, maka hijrahnya adalah kepada Allah dan Rasulnya. Siapa berhijrah kepada dunia atau wanita yang dicintainya, Maka ia berhijrah kepada perkara yang menjadi tujuannya."

BIBLIOGRAFI

1. Abu Al-Hasan Aliy Al-Mawardiy, 1993, Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayah Al-Diniyyah (Hukum-Hukum Pemerintahan Dan Kekuasaan Agama), diterjemahkan Oleh Uthman bin Haji Khalid, Kuala Lumpur: Institut Pengajian Tradisional Islam.
2. Abu `Urwah, 1988, Risalah Usrah (Jilid 3), Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
3. Chamil Wariya, "Ciri-ciri Kepimpinan", Utusan Malaysia, 26 Ogos 1993.
4. Ghazali Basri, "Islam dan Kepimpinan"' Utusan Malaysia, 1993.
5. Hisham Altalib, 1992, Panduan Latihan Bagi Petugas Islam, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

6. Muhammad As Soqhir, 1990, Haluan Kepimpinan Dan Siasah, Kuala Lumpur: Media Ehsan Sdn. Bhd.
7. Nik Azis Paa, 1991, Program Pendidikan Pelajar Pintar Cerdas, Kajang: Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam.
8. Nik Mohd Zain bin Yusof (Dr. Haji), 1991, "Peranan Kepimpinan dan Kepengikutan Dalam Pengurusan Produktiviti Organisasi", dalam Mohd Shahwahid Haji Othman (Dr)(Penyunting), Pengurusan Organisasi Dari Perspektif Islam, Serdang: PERSIS, MS: 33 - 54.
9. Siddiq Fadhil, 1992, Minda Melayu Baru, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
10. Wan Liz Ozman Wan Omar, 1996, Pengurusan Islam Abad Ke-2l, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.